

KPT sumbang komputer riba, wang kepada penuntut UPNM terpilih



Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr Ahmad Masrizal Muhammad (dua, kanan) ketika sesi penyerahan bantuan Dermasiswa bernilai RM1000 kepada pelajar UPNM pada lawatan kerja rasmi beliau di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada Khamis. Turut bersama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Dan Pembangunan) Kementerian Pengajian Tinggi Datuk Rosli Yaakub (kiri) dan Naib Canselor UPNM Leftenan Jeneral Datuk Hasagaya Abdullah (kanan).

[ahmad masrizal muhammad](#) [upnm](#)[sumbangan prihatin](#) [kemasukan](#)[pelajar](#) [persediaan](#)

Berita Berkaitan



KPM teliti, perhalusi cadangan tambah baik PdP sedia ada



JPBB Sibul akan kesan pelajar gagal hadir program vaksinasi



Vaksinasi COVID-19 secara 'walk-in' di Lembah Klang dihentikan selepas 15 Sept

Lagi Berita

KUALA LUMPUR, 3 Sept -- Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) hari ini menyampaikan sumbangan bantuan prihatin berupa komputer riba dan dermasiswa bernilai RM1,000 seorang kepada 20 penuntut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang terpilih.

Sumbangan itu disampaikan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr Ahmad Masrizal Muhammad ketika membuat lawatan ke universiti itu.

"Sumbangan ini diberikan kepada 20 pelajar yang berkeperluan," katanya kepada pemberita.

Beliau yang turut mendengar sesi taklimat ringkas serta hala tuju dan perkembangan terkini universiti itu juga berpuas hati dengan persediaan UPNM dalam pengurusan pelajar pasca pandemik COVID-19.

"Saya cukup yakin setelah melihat penjelasan pihak UPNM bahawasanya mereka telah bersedia menerima kemasukan pelajar-pelajar baharu yang akan meneruskan semula pengajian mereka sebagaimana yang tertangguh sebelum ini," katanya.

Beliau turut melihat pameran penyelidikan berkaitan produk inovasi serta pelbagai penyelidikan lain oleh penyelidik dan warga UPNM.

Turut hadir Naib Canselor UPNM Lt Jen Datuk Hasagaya Abdullah, wakil-wakil KPT serta pengurusan tertinggi UPNM.

-- BERNAMA